

Pengenalan Ringkas HOMEOPATI, BIOKIMIA & HERBALISME

www.salindah.com

Homeopati

Sistem perubatan Homeopati telah diperkenalkan oleh seorang doktor bangsa Jerman yang bernama Dr. Samuel Hahnemann pada tahun 1810. Tetapi kajian yang dijalankan oleh Hahnemann bermula sejak 1796 lagi.

Dalam usaha mengujikaji ubat-ubatan Homeopati Dr. Hahnemann telah menjalankan segala ujikaji ke atas dirinya dan lain-lain orang. Kaedah Homeopati melarang ujikaji dijalankan ke atas haiwan makmal. Hasil ujikaji yang dijalankan ke atas manusia memberikan keputusan yang lebih tepat.

Menurut Homeopati sesuatu bahan yang boleh meracun tubuh dengan mendatangkan apa jua masalah dan menjelmakan simptom-simptom penyakit, maka bahan tersebut boleh diproses untuk dijadikan remedi bagi mengubati penyakit yang seakan dengan yang ditimbulkannya. Ubat Homeopati digelar remedi.

Misalnya, kesan menghidu atau memakan bawang merah, boleh mendatangkan pada diri seseorang yang sihat, simptom bersin-bersin dengan hingus cair mengalir banyak. Oleh itu, bawang merah ini boleh diproses menjadi remedi yang cukup mujarab bagi masalah selesema yang mempunyai simptom bersin-bersin dan hingus cair mengalir lancar. Tetapi simptom penyakit mestilah sama atau serupa dengan simptom remedi (semasa dijalankan ujikaji awal). Mengertilah kita bahawa dari situ, racun itulah penawarnya.

Menurut Homeopati, penyakit menzahirkan dirinya dengan menimbulkan simptom. Simptom-simptom adalah paling tepat. Remedi yang paling tepat dapat ditentukan dengan membandingkan kesamaan simptom penyakit dengan simptom remedi. Inilah falsafah yang terangkum di dalam kata-kata, "Serupa dengan serupa menyembuhkan". (Similia Similibus Curentur).

Sesuai dengan prinsip Homeopati, semua penyakit ada ubatnya. Kerana penyakit berpunca daripada keracunan, maka jalan penyelesaiannya juga ialah dengan berubat menggunakan tenaga "racun" yang serupa. Kaedah menerbitkan tenaga ubat daripada racun tadi ialah melalui proses potentisasi atau tritulasi. Pengilangan ubat-ubatan Homeopati adalah berasaskan salah satu atau kedua-dua kaedah ini.

Remedi Homeopati

Remedi Homeopati berasal daripada pelbagai punca, iaitu:

- Alam Tumbuhan - sebilangan besar remedi Homeopati berasal dari alam tumbuhan.
- Alam Haiwan - racun-racun haiwan berbisa seperti ular dan serangga berbisa.
- Alam Kimia - terdiri daripada unsur, sebatian (asid, bes, garam), dan mineral.

Apabila remedi yang tepat, berasaskan simptom, diberikan pada kekuatan atau potensi yang sesuai, bagi mengatasi masalah penyakit, maka akan sembuhlah penyakit berkenaan, dengan izin Allah.

Penyakit terjadi dengan melalui jalannya, dan demikian jua apabila ia akan sembuh, ia akan sembuh melalui jalannya seperti berikut:

- Dari atas ke bawah
- Dari dalam ke luar
- Dari organ penting kepada organ kurang penting
- Berpatah balik ke masalah asal

Biasanya dalam keadaan tubuh bergerak menuju kesembuhan daripada gangguan penyakit, akan berlakulah sedikit kemelaratan simptom. Harus ingat, kemelaratan simptom ini bukannya kesan sampingan dan ia tidak boleh membahayakan. Kemelaratan simptom berlaku hanya buat sementara waktu sahaja. Berlakunya kemelaratan simptom menunjukkan remedi yang diambil itu adalah tepat dan sedang bekerja menghilangkan penyakit dari tubuh itu. Ada kalangan yang menamakan kemelaratan simptom ini sebagai krisis penyembuhan (healing crisis).

Oleh kerana kemujaraban, keberkesanan dan selamatnya sistem ini, maka Homeopati berkembang maju ke seluruh dunia. Kian ramai ahli masyarakat mula berjinak-jinak dengan perubatan Homeopati dan memilih perubatan ini sebagai komplementari atau pilihan kepada sistem perubatan konvensional yang menggunakan dadah (drug). Semakin ramai pula doktor-doktor konvensional mempelajari dan mengamalkan Homeopati dewasa ini. Kini Homeopati sudah diiktiraf oleh Badan Kesihatan Sedunia (WHO).